| 2 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh berlari melepasi pagar dan menyatakan kedudukan tangan dan kaki semasa fasa lonjakan, • Boleh melakukan dan menyatakan perbezaan sudut lonjakan 'hop', 'step' dan 'jump' dalam lompat kijang. • Boleh melepaskan cakera mengikut putaran arah jam dengan menggunakan rotasi pinggul dan menerangkan faktor yang mempengaruhi jarak lemparan. |
| 3 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan kedudukan tangan dan kaki semasa fasa lonjakan dan berlari melepasi pagar dengan 3 langkah beritma antara pagar. • Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan sudut lonjakan 'hop', 'step' dan 'jump' semasa lompat kijang. • Boleh mengaplikasikan ketinggian lepasan, sudut lepasan dan halaju lepasan semasa lempar cakera. |
| 4 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan kedudukan tangan dan kaki semasa melakukan lari berpagar dengan lakuan yang betul. • Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan sudut lonjakan 'hop', 'step' dan 'jump' semasa lompat kijang dengan lakuan yang betul. • Boleh mengaplikasikan ketinggian lepasan, sudut lepasan dan halaju lepasan semasa lempar cakera dengan lakuan yang betul. |
| 5 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan lari berpagar, lompat kijang dan lempar cakera dalam pertandingan mini olahraga. • Boleh membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam pertandingan mini olahraga. |

| STANDARD PRESTASI | |
|-------------------|---|
| TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN |
| 6 | <ul style="list-style-type: none">• Boleh membuat refleksi penguasaan kemahiran lari berpagar, lompat kijang dan lempar cakera dalam pertandingan mini olahraga dan membuat penambahbaikan untuk meningkatkan prestasi.• Boleh mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan semasa melakukan aktiviti fizikal. |

BIDANG KEMAHIRAN: REKREASI DAN KESENGGANGAN

Rekreasi bermaksud aktiviti terancang untuk mengisi masa lapang. Kemahiran Rekreasi dan Kesenggangan yang dipelajari dalam bidang ini melibatkan penggunaan kompas, peta dan kad arahan dalam aktiviti pandu arah, kemahiran membaling, mengelak dan menerima bola dalam permainan *dodgeball* dan kemahiran berlari dan mengelak dalam permainan tradisional Gelap Cerah dan Aci Sep. Aktiviti dalam bidang Rekreasi dan Kesenggangan dapat membina dan meningkatkan kreativiti dan inovasi.

ASPEK 1.0: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|---|---|
| <p>Rekreasi dan Kesenggangan 1.9 Melakukan aktiviti rekreasi dan kesenggangan.</p> | <p>Murid boleh:</p> <p>1.9.1 Melakukan aktiviti pandu arah dengan menggunakan kompas, peta dan kad arahan.</p> <p>1.9.2 Melakukan kemahiran membaling, mengelak dan menerima bola dalam permainan <i>dodgeball</i>.</p> <p>1.9.3 Melakukan kemahiran dalam permainan tradisional Gelap Cerah dan Aci Sep.</p> |

ASPEK 2.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|--|---|
| <p>Aplikasi Pengetahuan dalam Rekreasi dan Kesenggangan 2.9 Mengaplikasikan strategi dan idea kreatif dalam aktiviti rekreasi dan kesenggangan.</p> | <p>Murid boleh:</p> <p>2.9.1 Melakar dan menjelaskan laluan pandu arah berdasarkan tugas.</p> <p>2.9.2 Merancang strategi menyerang dan bertahan dalam permainan <i>dodgeball</i>.</p> <p>2.9.3 Menerangkan strategi untuk melepasi halangan dan mematikan pihak lawan dalam permainan tradisional Gelap Cerah dan Aci Sep.</p> |

ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|--|---|
| <p>Pengurusan dan Keselamatan 5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p> | <p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Menguruskan peralatan sebelum, semasa dan selepas melakukan aktiviti dengan selamat.</p> <p>5.1.2 Menggunakan peralatan yang sesuai mengikut fungsi semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.1.3 Melakukan aktiviti fizikal di ruang atau tempat yang sesuai dan selamat.</p> <p>5.1.4 Mematuhi peraturan keselamatan di tempat aktiviti semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> |
| <p>Tanggungjawab Kendiri 5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> | <p>5.2.1 Melibatkan diri dan melakukan aktiviti secara berpasukan bagi mencapai matlamat kumpulan.</p> <p>5.2.2 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.3 Mematuhi keputusan yang dibuat oleh ketua dan ahli kumpulan untuk melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.4 Menerima cabaran dan seronok semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> |
| <p>Interaksi Sosial 5.3 Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.</p> | <p>5.3.1 Berkomunikasi dengan ahli kumpulan untuk melaksanakan aktiviti fizikal atau mencapai matlamat.</p> <p>5.3.2 Memberi penghargaan terhadap ahli kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> |
| <p>Dinamika Kumpulan 5.4 Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.</p> | <p>5.4.1 Menerima peranan ahli-ahli kumpulan semasa melibatkan diri dalam aktiviti fizikal.</p> |

ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|---|---|
| | 5.4.2 Menerima perbezaan individu dalam kumpulan semasa melibatkan diri dalam aktiviti fizikal. 5.4.3 Memainkan peranan sebagai ketua yang bertanggungjawab dalam permainan atau aktiviti fizikal. 5.4.4 Memberi galakan kepada orang lain mengambil bahagian dalam aktiviti fizikal. |
| Etika dalam Sukan 5.5 Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal. | 5.5.1 Menerima cabaran, kemenangan dan kekalahan dalam permainan secara positif. 5.5.2 Mematuhi peraturan permainan dalam perlawanan. 5.5.3 Mempamerkan permainan bersih dalam perlawanan. |

| STANDARD PRESTASI | |
|-------------------|---|
| TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN |
| 1 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh menunjukkan arah mata angin berdasarkan kompas. • Boleh melakukan kemahiran membaling, mengelak dan menerima bola. • Boleh menyatakan peraturan bermain permainan tradisional Gelap Cerah dan Aci Sep. |
| 2 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh menggunakan kompas untuk menentukan bearing dan mengenal pasti lokasi dan jarak pada peta. • Boleh menjelaskan dan melakukan kemahiran membaling, mengelak dan menerima bola dalam situasi permainan <i>dodgeball</i>. • Boleh menerangkan cara bermain permainan tradisional Gelap Cerah dan Aci Sep serta bermain dalam kumpulan kecil. |
| 3 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh mentafsir kad arahan dan mengaplikasikan kemahiran menggunakan kompas untuk menentukan bearing dan arah laluan. • Boleh mengaplikasikan strategi menyerang dan bertahan yang sesuai dalam situasi permainan <i>dodgeball</i>. • Boleh bermain permainan tradisional Gelap Cerah dan Aci Sep dalam kumpulan kecil dengan mengikut peraturan permainan. |
| 4 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasikan kemahiran pandu arah untuk menyelesaikan tugas dengan tepat pada setiap <i>check point</i> dan melakar serta menerangkan laluan pandu arah. • Boleh mengaplikasikan kemahiran permainan <i>dodgeball</i> dengan lakuan yang betul dan menggunakan strategi menyerang dan bertahan yang sesuai. • Boleh mengaplikasikan strategi untuk melepasi halangan dan mematikan pihak lawan dalam permainan Gelap Cerah dan Aci Sep mengikut peraturan yang dibenarkan. |

| STANDARD PRESTASI | |
|-------------------|---|
| TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN |
| 5 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh merancang kad arahan baharu bagi aktiviti pandu arah dan melakukannya secara berkumpulan. • Boleh mereka cipta permainan baharu dengan menggunakan konsep permainan <i>dodgeball</i>. • Boleh mereka cipta permainan baharu atau mengubahsuai kemahiran yang terdapat dalam permainan tradisional Gelap Cerah dan Aci Sep. • Boleh mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan semasa melakukan aktiviti Rekreasi dan Kesenggangan. |
| 6 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh menjustifikasi dan membuat penambahbaikan berdasarkan aktiviti pandu arah yang direka cipta. • Boleh menjustifikasi dan membuat penambahbaikan dalam permainan baharu yang menggunakan konsep permainan <i>dodgeball</i>. • Boleh menjustifikasi dan membuat penambahbaikan terhadap permainan baharu yang direka cipta atau ubah suai daripada permainan tradisional Gelap Cerah dan Aci Sep. • Boleh berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti Rekreasi dan Kesenggangan. • Boleh menggunakan kemahiran Rekreasi dan Kesenggangan sebagai aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal. |

BIDANG KECERGASAN: KECERGASAN FIZIKAL BERDASARKAN KESIHATAN

Komponen Kecergasan Fizikal Berdasarkan Kesihatan terdiri daripada komponen kapasiti aerobik, kelenturan, daya tahan otot, kekuatan otot dan komposisi badan. Kandungan dalam bidang ini memberi pendedahan kepada murid berkaitan senaman dan latihan fizikal untuk meningkatkan tahap kecergasan. Menerusi bidang ini, murid memahami fungsi fisiologi badan dan kesan senaman terhadap prestasi diri dan kesihatan diri. Bidang ini juga memberi panduan kepada murid untuk melakukan aktiviti kecergasan secara sistematik dan tekal untuk meningkatkan kecergasan dan kesejahteraan hidup.

ASPEK 3.0: KECERGASAN MENINGKATKAN KESIHATAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|---|--|
| <p>Komponen Kecergasan Fizikal Berdasarkan Kesihatan</p> <p>Senaman Kapasiti Aerobik</p> <p>3.1 Melakukan aktiviti meningkatkan kapasiti aerobik.</p> | <p>Murid boleh:</p> <p>3.1.1 Melakukan aktiviti meningkatkan kapasiti aerobik pada julat 65-85% daripada Kadar Nadi Maksimum (KNM).</p> <p>3.1.2 Melakukan aktiviti meningkatkan kapasiti aerobik yang dirancang berdasarkan prinsip FITT (F-Frequency, I-Intensity, T-Time, T-Type) dan pada julat 65-85% daripada Kadar Nadi Maksimum (KNM) yang ditentukan.</p> |
| <p>Senaman Kelenturan</p> <p>3.2 Melakukan senaman kelenturan dengan lakuan yang betul.</p> | <p>3.2.1 Melakukan senaman meningkatkan kelenturan yang dirancang berdasarkan prinsip FITT.</p> |
| <p>Senaman Daya Tahan Otot</p> <p>3.3 Melakukan senaman daya tahan otot dengan lakuan yang betul.</p> | <p>3.3.1 Melakukan senaman meningkatkan daya tahan otot yang dirancang berdasarkan prinsip FITT.</p> |

ASPEK 3.0: KECERGASAN MENINGKATKAN KESIHATAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|---|---|
| <p>Senaman Kekuatan Otot 3.4 Melakukan senaman kekuatan otot dengan lakuan yang betul.</p> | <p>3.4.1 Melakukan senaman meningkatkan kekuatan otot.</p> <p>3.4.2 Melakukan senaman kekuatan otot bagi mendapatkan ulangan maksimum bagi diri sendiri.</p> |
| <p>Komposisi Badan 3.5 Melakukan aktiviti yang melibatkan komposisi badan.</p> | <p>3.5.1 Mengukur lipatan kulit pada 4 titik cubitan pada otot paha, trisep, abdominal dan suprailliak.</p> |
| <p>Pentaksiran Kecergasan Fizikal 3.6 Mengukur tahap kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan.</p> | <p>3.6.1 Mengukur tahap kecergasan fizikal menggunakan ujian SEGAK mengikut prosedur yang betul.</p> <p>3.6.2 Melakukan senaman yang dapat meningkatkan kecergasan fizikal berdasarkan keputusan ujian SEGAK.</p> |

ASPEK 4.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|--|---|
| <p>Komponen Kecergasan Fizikal Berdasarkan Kesihatan</p> <p>Aplikasi Pengetahuan dalam Kapasiti Aerobik</p> <p>4.1 Mengaplikasikan pengetahuan prinsip kecergasan dan strategi bagi meningkatkan kapasiti aerobik.</p> | <p>Murid boleh:</p> <p>4.1.1 Menghitung KNL 65-85% bagi diri sendiri.</p> <p>4.1.2 Menerangkan latihan fizikal yang boleh meningkatkan kapasiti aerobik.</p> <p>4.1.3 Merancang pelan kecergasan diri sendiri untuk meningkatkan kapasiti aerobik berdasarkan prinsip FITT.</p> |
| <p>Aplikasi Pengetahuan dalam Kelenturan</p> <p>4.2 Mengaplikasikan pengetahuan prinsip kecergasan dan strategi bagi meningkatkan kelenturan.</p> | <p>4.2.1 Memberi justifikasi senaman yang dipilih untuk meningkatkan kelenturan.</p> <p>4.2.2 Merancang pelan kecergasan diri sendiri untuk meningkatkan kelenturan berdasarkan prinsip FITT.</p> |
| <p>Aplikasi Pengetahuan dalam Daya Tahan Otot</p> <p>4.3 Mengaplikasikan pengetahuan prinsip kecergasan dan strategi bagi meningkatkan daya tahan otot.</p> | <p>4.3.1 Menerangkan senaman yang sesuai untuk meningkatkan daya tahan otot untuk diri sendiri.</p> <p>4.3.2 Merancang pelan kecergasan diri sendiri untuk meningkatkan daya tahan otot berdasarkan prinsip FITT.</p> |

ASPEK 4.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|--|--|
| <p>Aplikasi Pengetahuan dalam Kekuatan Otot 4.4 Mengaplikasikan pengetahuan prinsip kecergasan dan strategi bagi meningkatkan kekuatan otot.</p> | <p>4.4.1 Menerangkan perbezaan antara senaman daya tahan otot dengan kekuatan otot.</p> <p>4.4.2 Menyenaraikan senaman meningkatkan kekuatan otot mengikut kumpulan otot yang dilatih.</p> <p>4.4.3 Menjelaskan cara mendapatkan ulangan maksimum (Repetition Maximum–RM) bagi contoh senaman untuk diri sendiri.</p> |
| <p>Aplikasi Pengetahuan dalam Komposisi Badan 4.5 Mengaplikasikan pengetahuan komposisi badan dalam kecergasan fizikal.</p> | <p>4.5.1 Menggunakan rumus atau perisian untuk mendapatkan peratus lemak badan sendiri berdasarkan ukuran lipatan kulit.</p> <p>4.5.2 Membandingkan peratus lemak badan sendiri dengan julat peratus lemak badan yang ideal.</p> <p>4.5.3 Menerangkan kaedah pengukuran peratus lemak badan yang lain daripada ukuran lipatan kulit.</p> |

ASPEK 4.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|---|--|
| <p>Aplikasi Pengetahuan dalam Pentaksiran Kecergasan Fizikal</p> <p>4.6 Mengaplikasikan konsep, prinsip dan strategi dalam pentaksiran kecergasan fizikal.</p> | <p>4.6.1 Menganalisis keputusan ujian SEGAK untuk menentukan tahap kecergasan fizikal sendiri.</p> <p>4.6.2 Merancang pelan kecergasan sebagai tindakan susulan berdasarkan keputusan ujian SEGAK untuk meningkatkan kecergasan fizikal.</p> |

ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|--|---|
| <p>Pengurusan dan Keselamatan 5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p> | <p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Menguruskan peralatan sebelum, semasa dan selepas melakukan aktiviti dengan selamat.</p> <p>5.1.2 Menggunakan peralatan yang sesuai mengikut fungsi semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.1.3 Melakukan aktiviti fizikal di ruang atau tempat yang sesuai dan selamat.</p> <p>5.1.4 Mematuhi peraturan keselamatan di tempat aktiviti semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> |
| <p>Tanggungjawab Kendiri 5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> | <p>5.2.1 Melibatkan diri dan melakukan aktiviti secara berpasukan bagi mencapai matlamat kumpulan.</p> <p>5.2.2 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.3 Mematuhi keputusan yang dibuat oleh ketua dan ahli kumpulan untuk melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.4 Menerima cabaran dan seronok semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> |
| <p>Interaksi Sosial 5.3 Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.</p> | <p>5.3.1 Berkomunikasi dengan ahli kumpulan untuk melaksanakan aktiviti fizikal atau mencapai matlamat.</p> <p>5.3.2 Memberi penghargaan terhadap ahli kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> |
| <p>Dinamika Kumpulan 5.4 Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.</p> | <p>5.4.1 Menerima peranan ahli-ahli kumpulan semasa melibatkan diri dalam aktiviti fizikal.</p> |

ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|--|--|
| | <p>5.4.2 Menerima perbezaan individu dalam kumpulan semasa melibatkan diri dalam aktiviti fizikal.</p> <p>5.4.3 Memainkan peranan sebagai ketua yang bertanggungjawab dalam permainan atau aktiviti fizikal.</p> <p>5.4.4 Memberi galakan kepada orang lain mengambil bahagian dalam aktiviti fizikal.</p> |
| <p>Etika dalam Sukan</p> <p>5.5 Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> | <p>5.5.1 Menerima cabaran, kemenangan dan kekalahan dalam permainan secara positif.</p> <p>5.5.2 Mematuhi peraturan permainan dalam perlawanan.</p> <p>5.5.3 Mempamerkan permainan bersih dalam perlawanan.</p> |

| STANDARD PRESTASI | |
|-------------------|---|
| TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN |
| 1 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh menghitung Kadar Nadi Maksimum (KNM) untuk diri sendiri dengan rumus $220 - \text{umur}$. • Boleh melakukan senaman kapasiti aerobik dan daya tahan otot, kekuatan otot dan senaman regangan statik dan dinamik. • Boleh melakukan dan menamakan senaman daya tahan otot dan kekuatan otot yang melibatkan bahagian atas badan, abdomen dan bahagian bawah badan. • Boleh menandakan empat titik cubitan pada otot paha, trisep, abdominal dan suprailliak. |
| 2 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh menghitung dan menjelaskan KNL 65-85% berdasarkan KNM diri sendiri dan melakukan senaman kapasiti aerobik untuk diri sendiri sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. • Boleh melakukan senaman kelenturan dan membezakan antara senaman regangan statik dengan dinamik. • Boleh melakukan senaman daya tahan otot dan kekuatan otot yang melibatkan bahagian atas badan, abdomen dan bahagian bawah badan dan menamakan otot yang terlibat. |
| 3 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasikan KNL untuk diri sendiri semasa melakukan senaman kapasiti aerobik. • Boleh menerangkan kesan senaman kelenturan yang dipilih ke atas otot dan sendi semasa melakukan senaman kelenturan. • Boleh mengaplikasikan prinsip FITT semasa melakukan senaman meningkatkan daya tahan otot dan kekuatan otot. • Boleh mengaplikasikan rumus atau perisian untuk mendapatkan peratus lemak badan sendiri berdasarkan ukuran lipatan kulit. |

| STANDARD PRESTASI | |
|-------------------|---|
| TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN |
| 4 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasikan senaman kapasiti aerobik berdasarkan KNL yang disasarkan secara tekal. • Boleh mengaplikasikan dan menjelaskan pemboleh ubah latihan yang melibatkan jangka masa, bilangan ulangan dan bebanan semasa melakukan senaman meningkatkan daya tahan otot dan kekuatan otot. • Boleh menyenarai dan mengaplikasikan kaedah pengukuran lemak badan yang lain daripada ukuran lipatan kulit berdasarkan pencarian maklumat. • Membandingkan peratus lemak badan sendiri dengan julat peratus lemak badan yang ideal. • Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan prosedur yang betul semasa mengukur tahap kecergasan fizikal menggunakan ujian SEGAK. |
| 5 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh merancang dan melakukan senaman meningkatkan kapasiti aerobik pada 65-85% KNM. • Boleh merancang dan melakukan pelan senaman meningkatkan kelenturan untuk satu minggu serta aktiviti meningkatkan daya tahan otot tiga kali seminggu secara berselang hari. • Boleh merancang dan melakukan senaman yang dapat meningkatkan Komponen Kecergasan berdasarkan keputusan ujian SEGAK. • Boleh membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal. |
| 6 | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh memberi justifikasi aktiviti, jangka masa dan KNL yang sesuai untuk meningkatkan kapasiti aerobik diri sendiri dan senaman regangan yang dipilih serta mempraktikkan senaman tersebut ke arah gaya hidup sihat. • Boleh menganalisis keputusan ujian SEGAK dan menjustifikasikan tindakan susulan berdasarkan keputusan ujian SEGAK untuk meningkatkan kecergasan fizikal. • Boleh berkomunikasi dengan ahli kumpulan untuk melaksanakan sesuatu tugas atau mencapai matlamat. |

KOMPONEN PENDIDIKAN KESIHATAN

PENGENALAN PENDIDIKAN KESIHATAN

Kurikulum Pendidikan Kesihatan ialah disiplin ilmu untuk meningkatkan literasi kesihatan murid yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Literasi kesihatan merupakan salah satu aset abad ke-21 iaitu kemahiran memperoleh, menginterpretasi dan memahami maklumat mengenai kesihatan serta perkhidmatan kesihatan untuk meningkatkan kualiti hidup.

Murid merupakan pewaris negara yang perlu dilengkapi dengan literasi kesihatan seperti berpengetahuan, berkemahiran menangani risiko, menjaga keselamatan diri, mempunyai sikap dan nilai yang positif serta mengamalkan cara hidup yang sihat. Justeru itu, kurikulum Pendidikan Kesihatan digubal seiring dengan transformasi pendidikan negara yang berhasrat membentuk generasi yang sihat, berdaya saing dan tekak menghadapi cabaran global masa kini.

Kurikulum Pendidikan Kesihatan yang komprehensif dan kohesif berupaya melahirkan murid yang seimbang dari segi fizikal, mental, emosi, sosial dan rohani selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum ini juga dibina

sejajar dengan piawaian antarabangsa yang memberi penekanan kepada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, penyelesaian masalah dan inovasi.

MATLAMAT PENDIDIKAN KESIHATAN

Kurikulum Pendidikan Kesihatan bermatlamat untuk meningkatkan literasi kesihatan murid bagi mencapai kualiti hidup individu dan melahirkan generasi yang dapat mengaplikasikan pengetahuan serta menguasai kemahiran dan menghayati nilai dalam amalan hidup yang sihat demi kesejahteraan bangsa serta negara.

OBJEKTIF PENDIDIKAN KESIHATAN

Kurikulum Pendidikan Kesihatan bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan kesihatan diri, keluarga, masyarakat serta persekitaran.
2. Menguasai kemahiran kecekapan psikososial dalam menghadapi dan menangani masalah kesihatan serta isu yang berkaitan.
3. Menguasai dan mengaplikasikan kemahiran mencegah masalah kesihatan serta penyakit.
4. Membuat keputusan yang bijak dan mengamalkan gaya hidup yang sihat.
5. Membudayakan amalan positif dan sihat dalam kehidupan harian.
6. Menzahirkan rasa syukur dan menghargai kesihatan yang dianugerahi Tuhan.

FOKUS PENDIDIKAN KESIHATAN

Kurikulum Pendidikan Kesihatan memberi fokus kepada Pendidikan Kesihatan Berasaskan Kemahiran (*Skills-Based Health Education*) yang merangkumi kemahiran kecekapan psikososial yang membolehkan murid mengekalkan gaya hidup sihat melalui pemerolehan maklumat, pembentukan sikap atau tabiat, kemahiran yang merangkumi nilai murni, pelbagai pengalaman pembelajaran dan penekanan kepada kaedah partisipatori.

Kemahiran kecekapan psikososial ialah kebolehan seseorang menangani secara berkesan kehendak dan cabaran harian, termasuk kebolehan mengekalkan keadaan mental yang baik serta mendemonstrasikan sesuatu perlakuan yang positif. Ini juga merangkumi perlakuan semasa berinteraksi dengan individu lain dalam kepelbagaian budaya dan persekitaran. Komponen yang terdapat dalam kemahiran kecekapan psikososial adalah untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup iaitu membuat keputusan, penyelesaian masalah, pemikiran kreatif, pemikiran kritis, komunikasi berkesan, kemahiran hubungan interpersonal, kesedaran sendiri, empati, menangani emosi dan menangani tekanan. Penguasaan kemahiran kecekapan psikososial adalah perlu

dan membantu murid untuk mengadaptasi permintaan serta cabaran kehidupan harian, memberi kesedaran tentang sesuatu isu atau permasalahan yang berlaku pada masa lampau, masa kini dan masa depan. Ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat dan mengendali perubahan supaya mendapat manfaat yang maksimum.

Kurikulum Pendidikan Kesihatan memberi penekanan terhadap gaya hidup sihat bersesuaian dengan ciri dan keperluan murid serta disusun mengikut tiga komponen utama iaitu:

1. Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial (PEERS)

Komponen ini menekankan aspek kesihatan diri dan reprodktif, penyalahgunaan bahan, kemahiran pengurusan mental dan emosi, kekeluargaan, perhubungan, pencegahan penyakit dan keselamatan.

Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial (PEERS) dalam Kurikulum Pendidikan Kesihatan

Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial (PEERS) diajar melalui kurikulum Pendidikan Kesihatan. PEERS adalah satu proses sepanjang hayat untuk memperoleh pengetahuan dan

membentuk sikap, nilai serta kepercayaan terhadap identiti, perhubungan dan keintiman sesama insan.

PEERS bukan hanya terbatas kepada isu seksual atau hubungan seks semata-mata. PEERS mencakupi pengetahuan dari aspek biologikal, sosiobudaya, psikologikal dan kerohanian ke arah amalan tingkah laku yang sihat dalam kehidupan.

Objektif PEERS adalah untuk membantu murid:

- i. Membentuk pandangan yang positif tentang kesihatan reprodktif dan sosial untuk diri, keluarga serta masyarakat.
- ii. Menyediakan maklumat yang perlu diketahui supaya murid mengambil berat tentang kesihatan seksual dan keluarga sebagai institusi asas manusia serta menyumbang kepada pemeliharaan integriti institusi kekeluargaan secara berterusan dan berkekalan.
- iii. Memperoleh kemahiran membuat keputusan secara bijak dan bertanggungjawab tentang kesihatan serta tingkah laku seksual pada masa kini dan masa depan.

PEERS merangkumi:

- Kesihatan diri dan reproduktif
Aspek perkembangan dan perubahan fizikal, fisiologikal serta psikologikal semasa akil baligh dan penjagaan kesihatan reproduktif.
- Penyalahgunaan bahan
Kesan buruk pengambilan bahan berbahaya iaitu rokok, dadah, inhalan dan alkohol, serta kemahiran berkata TIDAK.
- Pengurusan mental dan emosi
Kemahiran pengurusan konflik dan stres dalam diri, keluarga, rakan sebaya dan masyarakat.
- Kekeluargaan
Kepentingan institusi perkahwinan, kekeluargaan, peranan dan tanggungjawab ahli dalam keluarga.
- Perhubungan
Kepentingan etiket perhubungan dan kemahiran interpersonal yang positif dalam persaudaraan serta persahabatan.
- Penyakit
Pengetahuan dan kemahiran mengurus kesihatan daripada penyakit berjangkit, tidak berjangkit, genetik, keturunan dan mental.

- Keselamatan

Langkah-langkah keselamatan diri di rumah, sekolah, taman permainan dan tempat awam, serta akta perlindungan bagi kanak-kanak, gadis dan wanita, termasuk kemahiran mengelak diri daripada ancaman orang yang tidak dikenali, antipemerdagangan manusia dan orang yang perlu dihubungi jika berlaku gangguan, ancaman serta kecemasan.

2. Pemakanan

Komponen ini menekankan aspek pemakanan yang seimbang, amalan makan secara sihat, penyediaan hidangan, keselamatan dan kualiti makanan.

3. Pertolongan Cemas

Komponen ini menekankan aspek pertolongan cemas untuk menyelamatkan nyawa, mengelakkan kecederaan menjadi lebih parah dan mengurangkan kesakitan sebelum bantuan rawatan perubatan seterusnya diberi kepada mangsa.

STANDARD PRESTASI PENDIDIKAN KESIHATAN


Kurikulum Pendidikan Kesihatan digubal dengan menetapkan Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang perlu dikuasai oleh murid. Tujuan utama penetapan standard adalah untuk ekuiti dan kualiti. Ekuiti bermaksud semua murid diberi peluang pendidikan yang sama, manakala kualiti bermaksud semua murid perlu diberi pendidikan yang berkualiti. Justeru itu, kurikulum berasaskan standard memberi pendidikan berkualiti yang sama kepada semua murid. Pernyataan tahap penguasaan umum Pendidikan Kesihatan berdasarkan rubrik yang dijadikan sebagai panduan kepada guru untuk menilai prestasi murid adalah seperti dalam Jadual 8.

Jadual 8: Pernyataan Tahap Penguasaan Umum Kurikulum Pendidikan Kesihatan

| TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN |
|------------------|---|
| 1 | Mengetahui asas kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial dan persekitaran. |
| 2 | Memahami aspek kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial dan persekitaran. |
| 3 | Mengaplikasikan kemahiran mengurus kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, persekitaran dan keselamatan diri. |
| 4 | Menganalisis aspek kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, persekitaran dan keselamatan diri serta keluarga. |
| 5 | Menilai cara mengurus kesihatan ke arah kehidupan yang positif dan sihat melalui kemahiran kecekapan psikososial. |
| 6 | Menjana idea untuk mengadaptasi permintaan dan cabaran kehidupan harian, meningkatkan literasi kesihatan, serta mengamalkan gaya hidup sihat. |

ORGANISASI KANDUNGAN PENDIDIKAN KESIHATAN

Kurikulum Pendidikan Kesihatan terdiri daripada Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial iaitu PEERS (75%), pemakanan (15%) dan pertolongan cemas (10%).



Rajah 3: Skop Kurikulum Pendidikan Kesihatan

CADANGAN AGIHAN MASA

Cadangan agihan masa bagi setiap komponen yang terdapat dalam Kurikulum Pendidikan Kesihatan Tingkatan 3 adalah berdasarkan peruntukan masa minimum PdP selama 16 jam setahun. Cadangan agihan masa boleh dijadikan panduan kepada guru dalam melaksanakan PdP kurikulum Pendidikan Kesihatan Tingkatan 3 seperti Jadual 9.

Jadual 9: Cadangan Agihan Masa

| KOMPONEN | BILANGAN JAM |
|---|--------------|
| Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial (PEERS) | 13 |
| Pemakanan | 2 |
| Pertolongan Cemas | 1 |
| Jumlah | 16 |

PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS)

Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) memberi penekanan kepada kemahiran kecekapan psikososial dalam aspek identiti gender, peranan gender, menangani cabaran stereotaip, keselamatan diri daripada dieksploitasi dan penyalahgunaan bahan berdasarkan undang-undang sedia ada. Penekanan juga diberi kepada kemahiran mengurus kemarahan dalam kehidupan harian, kemahiran mengelak sumbang mahram dan mengamalkan nilai dalam perhubungan persahabatan yang sihat. PEERS juga memberi fokus kepada cara mencegah jangkitan HIV dan penyakit AIDS.

1.0 KESIHATAN DIRI DAN REPRODUKTIF

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|--|-------------------|--|--|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 1.1 Kemahiran membuat keputusan dalam konteks kesihatan diri dan reproduktif Perkaitan proses sosialisasi dengan: <ul style="list-style-type: none"> • Identiti gender • Peranan gender | Murid boleh: 1.1.1 Menyatakan maksud gender. 1.1.2 Memerihal identiti gender dan peranan gender. 1.1.3 Menganalisis perkaitan proses sosialisasi dengan identiti gender dan peranan gender. 1.1.4 Menjana idea bagaimana proses sosialisasi boleh mempengaruhi identiti gender dan peranan gender. | 1 | Menyatakan maksud gender. | Nota: Gender merujuk kepada persepsi masyarakat tentang tatacara pertuturan dan tingkah laku seseorang lelaki atau perempuan. Identiti gender ialah bagaimana seseorang menzahirkan personaliti diri seperti pemakaian, tingkah laku dan penampilan diri. Peranan gender merangkumi perwatakan, sikap, tingkah laku, hak dan tanggungjawab yang diterima oleh sesebuah masyarakat bagi golongan lelaki dan perempuan. |
| | | 2 | Menerangkan identiti gender dan peranan gender. | |
| | | 3 | Menjelaskan dengan contoh identiti gender dan peranan gender dalam keluarga serta masyarakat. | |
| | | 4 | Menghuraikan perkaitan proses sosialisasi dengan identiti gender dan peranan gender. | |
| | | 5 | Membuat kesimpulan bagaimana proses sosialisasi mempengaruhi identiti gender dan peranan gender. | |
| | | 6 | Menulis secara kreatif cara untuk mengubah persepsi masyarakat tentang identiti gender dan peranan gender. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|--|-------------------|--|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 1.2 Kemahiran menangani pengaruh dalaman serta luaran yang mempengaruhi kesihatan diri dan reproduktif Menangani cabaran: <ul style="list-style-type: none"> • Stereotaip gender • Diskriminasi | Murid boleh: 1.2.1 Memerihal stereotaip gender mengikut norma keluarga, budaya dan masyarakat setempat. 1.2.2 Menunjuk cara menangani cabaran stereotaip gender dan diskriminasi. 1.2.3 Mencadangkan kepentingan menangani cabaran stereotaip gender dan diskriminasi. 1.2.4 Menjana idea keperluan membudayakan kesaksamaan gender. | 1 | Menyenaraikan stereotaip gender dan diskriminasi mengikut norma keluarga, budaya dan masyarakat setempat. | Nota: Stereotaip gender merujuk kepada tanggapan atau persepsi yang ditetapkan tentang ciri-ciri umum seseorang seperti jantina, ras atau budaya secara umum. Contoh, wanita dianggap lemah dan lelaki dianggap gagah. Lelaki dan perempuan mesti saling menghormati antara satu sama lain. Undang-undang dan peraturan tidak mendiskriminasi seseorang individu berdasarkan jantina. |
| | | 2 | Mengenal pasti stereotaip gender dan diskriminasi dalam masyarakat setempat. | |
| | | 3 | Menjelaskan dengan contoh cara menangani cabaran stereotaip gender dan diskriminasi. | |
| | | 4 | Menganalisis peranan gender yang bercanggah dengan norma keluarga, budaya dan masyarakat setempat. | |
| | | 5 | Mengesyorkan kepentingan menangani cabaran stereotaip gender dan diskriminasi. | |
| | | 6 | Menghasilkan karya secara kreatif dan kritis serta menyebarkan maklumat keperluan membudayakan kesaksamaan gender. | |

2.0 PENYALAHGUNAAN BAHAN

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|--|-------------------|---|--|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 2.1 Kemahiran menangani situasi berisiko terhadap penyalahgunaan bahan kepada diri, keluarga dan masyarakat Kepentingan mematuhi: <ul style="list-style-type: none"> • Peraturan • Undang-undang | Murid boleh: <p>2.1.1 Memahami kepentingan mematuhi peraturan dan undang-undang penyalahgunaan bahan.</p> <p>2.1.2 Membincangkan implikasi menyalahi peraturan dan undang-undang penyalahgunaan bahan kepada diri serta keluarga.</p> <p>2.1.3 Menjana idea kepentingan pematuhan peraturan dan undang-undang.</p> | 1 | Menyatakan kepentingan mematuhi peraturan dan undang-undang penyalahgunaan bahan. | Nota: Akta Dadah Berbahaya Seksyen 39 (B) membawa hukuman mandatori gantung sampai mati jika sabit kesalahan. |
| | | 2 | Menyenaraikan implikasi menyalahi peraturan dan undang-undang penyalahgunaan bahan kepada diri. | |
| | | 3 | Menjelaskan dengan contoh implikasi menyalahi peraturan dan undang-undang penyalahgunaan bahan kepada keluarga. | |
| | | 4 | Memilih tindakan yang sesuai dalam pematuhan peraturan dan undang-undang berdasarkan situasi yang dihadapi. | |
| | | 5 | Membuat keputusan yang wajar berdasarkan situasi yang diberi berdasarkan situasi yang dihadapi. | |
| | | 6 | Menghasilkan karya secara kreatif dan kritis tentang kepentingan memelihara kedaulatan undang-undang. | |

3.0 PENGURUSAN MENTAL DAN EMOSI

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|---|-------------------|--|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 3.1 Kemahiran mengurus mental dan emosi dalam kehidupan harian Cara mengurus: <ul style="list-style-type: none"> • Kemarahan | Murid boleh: 3.1.1 Menjelaskan punca kemarahan. 3.1.2 Menunjuk cara mengurus kemarahan. 3.1.3 Menilai kesan kemarahan terhadap kesihatan diri dan orang lain. 3.1.4 Menjana idea cara mengurus kemarahan. | 1 | Menyenaraikan contoh punca kemarahan. | Nota: Kemarahan adalah sifat emosi negatif yang mungkin disebabkan oleh cemburu, kekecewaan, rasa tertipu, terkilan atau kurang senang dengan sesuatu keadaan, perkara atau individu. Contoh cara mengurus kemarahan: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Riadah ▪ Rekreasi ▪ Relaksasi ▪ Refleksi sendiri |
| | | 2 | Mengenal pasti kesan kemarahan. | |
| | | 3 | Mendemonstrasi cara mengurus kemarahan diri dengan berkesan. | |
| | | 4 | Menganalisis dan memilih tindakan yang sesuai untuk mengurus kemarahan. | |
| | | 5 | Meramalkan kesan kemarahan terhadap diri dan orang lain. | |
| | | 6 | Mencipta karya dan menyebarkan maklumat cara mengurus kemarahan secara kreatif dan kritis. | |

4.0 KEKELUARGAAN

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|---|-------------------|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| <p>4.1 Peranan diri sendiri dan ahli keluarga serta kepentingan institusi kekeluargaan dalam aspek kesihatan keluarga</p> <p>Menangani masalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> Sumbang mahram | <p>Murid boleh:</p> <p>4.1.1 Menjelaskan maksud sumbang mahram.</p> <p>4.1.2 Menunjuk cara berkata TIDAK untuk mengelak sumbang mahram.</p> <p>4.1.3 Membincangkan peranan ahli keluarga untuk mengelak sumbang mahram.</p> <p>4.1.4 Menjana idea untuk melapor kes sumbang mahram.</p> | 1 | Menyatakan maksud sumbang mahram. | <p>Nota:</p> <p>Sumbang mahram bermaksud perlakuan zina yang berlaku dalam sesebuah keluarga. Contoh: antara adik beradik, ayah dengan anak atau datuk dengan cucu.</p> <p>Aduan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Talian NUR Polis Diraja Malaysia Orang dewasa yang dipercayai. |
| | | 2 | Menerangkan dan memberi contoh sumbang mahram. | |
| | | 3 | Mendemonstrasi cara berkata TIDAK kepada sumbang mahram. | |
| | | 4 | Menjelaskan melalui contoh peranan ahli keluarga untuk mengelak sumbang mahram. | |
| | | 5 | Mengesyorkan tindakan yang boleh diambil untuk mengelak sumbang mahram. | |
| | | 6 | Berkomunikasi secara berkesan untuk mengelak atau melapor kes sumbang mahram. | |

5.0 PERHUBUNGAN

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|--|-------------------|--|--|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 5.1 Kemahiran interpersonal dan komunikasi berkesan dalam kehidupan harian Persahabatan: <ul style="list-style-type: none"> Batas pergaulan | Murid boleh: 5.1.1 Memerihal maksud persahabatan. 5.1.2 Menerangkan perbezaan pelbagai jenis persahabatan. 5.1.3 Membincangkan kepentingan menjaga batas pergaulan dalam persahabatan. 5.1.4 Menjana idea cara berkomunikasi secara berkesan dalam persahabatan. | 1 | Menyatakan maksud persahabatan. | Nota: Persahabatan ialah hal atau perbuatan bersahabat; perhubungan sebagai sahabat. Contoh: <ul style="list-style-type: none"> Kenalan Sahabat biasa Sahabat karib Sahabat intim |
| | | 2 | Menjelaskan perbezaan pelbagai jenis persahabatan. | |
| | | 3 | Menjelaskan dengan contoh batas pergaulan dalam persahabatan. | |
| | | 4 | Membezakan cara berkomunikasi dalam persahabatan. | |
| | | 5 | Meramalkan kesan sekiranya tidak menjaga batas pergaulan dalam persahabatan. | |
| | | 6 | Menulis secara kreatif cara berkomunikasi berkesan dalam persahabatan. | |

6.0 PENYAKIT

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|--|-------------------|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 6.1 Kemahiran mencegah dan mengurangkan faktor risiko penyakit dalam kehidupan harian Penyakit berjangkit: <ul style="list-style-type: none"> • Jangkitan HIV • Penyakit AIDS | Murid boleh: 6.1.1 Membincangkan perihal jangkitan HIV dan penyakit AIDS berlaku serta cara mengelak diri. 6.1.2 Menilai situasi yang boleh mendedahkan diri kepada jangkitan HIV dan penyakit AIDS. 6.1.3 Menjana idea kesan jangkitan HIV dan penyakit AIDS kepada diri dan orang lain. | 1 | Menyatakan cara jangkitan HIV dan penyakit AIDS berlaku. | Nota: Contoh cara mengelak diri daripada jangkitan HIV dan penyakit AIDS. <ul style="list-style-type: none"> ▪ Menggunakan sarung tangan pakai buang ketika membantu rakan yang luka. ▪ Tidak berkongsi alatan peribadi seperti pisau cukur, berus gigi dan jarum suntikan. ▪ Menjauhi hubungan seks rambang. |
| | | 2 | Menerangkan perbezaan antara jangkitan HIV dan penyakit AIDS. | |
| | | 3 | Menjelaskan dengan contoh situasi yang boleh mendedahkan diri kepada jangkitan HIV dan penyakit AIDS. | |
| | | 4 | Menganalisis situasi yang mendedahkan diri kepada jangkitan HIV dan penyakit AIDS. | |
| | | 5 | Memilih tindakan yang sesuai untuk mengelak diri daripada jangkitan HIV berdasarkan situasi. | |
| | | 6 | Menghasilkan karya secara kreatif dan kritis untuk mencegah jangkitan HIV dan penyakit AIDS. | |

7.0 KESELAMATAN

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|---|-------------------|--|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 7.1 Kemahiran kecekapan psikososial untuk menjaga keselamatan diri Bertindak secara bijak untuk mengelak: <ul style="list-style-type: none"> • Eksploitasi | Murid boleh: 7.1.1 Memerihal maksud dan jenis eksploitasi. 7.1.2 Membincangkan punca dan cara mengelakkan diri daripada dieksploitasi. 7.1.3 Menilai kesan eksploitasi kepada diri, keluarga dan masyarakat. | 1 | Menyatakan maksud eksploitasi. | Nota: Eksploitasi ialah mengambil kesempatan ke atas seseorang seperti memanipulasi orang lain untuk tujuan keuntungan dan hiburan. Contoh jenis eksploitasi: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelacuran ▪ Keldai dadah ▪ Pedofilia ▪ Seks siber ▪ Perhubungan jaringan sosial |
| | | 2 | Mengenal pasti punca eksploitasi. | |
| | | 3 | Menjelaskan dengan contoh cara mengelakkan diri daripada dieksploitasi. | |
| | | 4 | Menghuraikan situasi yang membolehkan eksploitasi berlaku. | |
| | | 5 | Meramalkan kesan kepada keluarga dan masyarakat sekiranya berlaku eksploitasi kepada diri. | |
| | | 6 | Menghasilkan karya secara kreatif dan kritis berkaitan kes eksploitasi untuk disebar luas. | |

PEMAKANAN

Komponen ini memberi fokus kepada kepentingan menjaga keperluan kalori seharian mengikut keperluan kalori dan penggunaan tenaga seseorang.

8.0 PEMAKANAN

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|--|-------------------|--|--|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 8.1 Amalan pemakanan sihat dan selamat Kepentingan mengurus: <ul style="list-style-type: none"> Keperluan kalori seharian | Murid boleh: 8.1.1 Memerihal keperluan harian kalori seharian mengikut kumpulan umur, jantina, aktiviti fizikal dan fisiologi. 8.1.2 Menghurai keperluan pengambilan kalori berdasarkan aktiviti harian. 8.1.3 Menilai pengambilan kalori seharian. 8.1.4 Merancang menu makanan seimbang mengikut keperluan kalori. | 1 | Menyatakan keperluan harian kalori seharian mengikut kumpulan umur, jantina, aktiviti fizikal dan fisiologi. | Nota: Kalori ialah unit untuk mengukur tenaga. Pengambilan makanan harian hendaklah mengikut kumpulan umur, jantina, aktiviti fizikal dan fisiologi berdasarkan Garis Panduan Diet Malaysia. |
| | | 2 | Memberi contoh jumlah keperluan kalori seharian mengikut kumpulan umur, jantina, aktiviti fizikal dan fisiologi. | |
| | | 3 | Menjelaskan faedah pengambilan kalori seharian yang mencukupi. | |
| | | 4 | Membandingkan keperluan kalori berdasarkan aktiviti mengikut kumpulan umur, jantina, aktiviti fizikal dan fisiologi. | |
| | | 5 | Mengesyorkan keperluan kalori berdasarkan aktiviti seharian. | |
| | | 6 | Merancang menu makanan seimbang mengikut keperluan kalori. | |

PERTOLONGAN CEMAS

Komponen ini memberi fokus kepada prinsip dan prosedur *Rest* (R), *Ice* (I), *Compression* (C), *Elevation* (E) dan bertindak secara bijak mengikut situasi kecemasan.

9.0 PERTOLONGAN CEMAS

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|-------------------|--|--|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 9.1 Pengetahuan asas pertolongan cemas dan kemahiran bertindak dengan bijak mengikut situasi Bertindak dengan mengikut prosedur pertolongan cemas: • R.I.C.E. | Murid boleh: 9.1.1 Menerangkan prinsip dan prosedur R.I.C.E. 9.1.2 Menerangkan kecederaan yang boleh dirawat dengan menggunakan prinsip dan prosedur R.I.C.E. 9.1.3 Menunjuk cara prosedur R.I.C.E. untuk bertindak mengikut kecederaan. | 1 | Menyatakan prinsip dan prosedur R.I.C.E. | Nota: R.I.C.E. adalah satu kaedah bantuan awal untuk kecederaan pada tisu lembut. <i>Rest (R), Ice (I), Compression (C) dan Elevation (E).</i> |
| | | 2 | Mengenal pasti kecederaan yang memerlukan prosedur R.I.C.E. | |
| | | 3 | Mendemonstrasi langkah-langkah prosedur R.I.C.E. | |
| | | 4 | Menjelaskan melalui contoh situasi kecemasan yang sesuai untuk prosedur R.I.C.E. | |
| | | 5 | Membuat pertimbangan terhadap prosedur R.I.C.E mengikut situasi kecemasan. | |
| | | 6 | Berkomunikasi secara berkesan semasa mengaplikasikan prosedur R.I.C.E. | |

GLOSARI

| PERKATAAN | PENERANGAN |
|--|---|
| Gimnastrada | Melibatkan persembahan secara berkumpulan dengan melakukan rangkaian kemahiran gerak edar,imbangan, putaran dan hambur serta mempamerkan nilai estetik dalam pergerakan. |
| Kelecek India (Indian Dribble) | Kemahiran mengelecek bola dengan mengerakkan bola ke kiri dan ke kanan dalam kawalan atau menahan dan menarik bola secara kilas sewaktu mengawal bola. |
| Konsep Pergerakan | Kemahiran yang perlu dikuasai oleh seseorang murid sebelum mempelajari kemahiran yang lebih kompleks khususnya kemahiran yang melibatkan aktiviti fizikal. Konsep pergerakan asas merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> i. Kesedaran tubuh badan ii. Kesedaran ruang iii. Kualiti pergerakan iv. Hubungan |
| Permainan Tradisional Aci Sep | Permainan yang menguji kepantasan pengejar menyentuh pemain-pemain lain melibatkan kemahiran berlari dan mengelak. |
| Permainan Tradisional Gelap Cerah | Permainan yang melibatkan dua pasukan berperanan sebagai Kumpulan Perempuh dan Kumpulan Pengawal yang menguji kebijaksanaan pemain melepasi halangan yang dibuat oleh pihak lawan pada setiap garisan. |
| FITT | <ul style="list-style-type: none"> • 'F' mewakili '<i>Frequency</i>' (frekuensi atau kekerapan) yang merujuk kepada kekerapan melakukan senaman. • 'I' mewakili '<i>Intensity</i>' (intensiti) yang merujuk kepada jumlah usaha untuk melakukan senaman. • 'T' mewakili '<i>Time</i>' (jangka masa) yang merujuk kepada berapa lama melakukan senaman. • 'T' mewakili '<i>Type</i>' (jenis) yang merujuk kepada jenis senaman yang dilakukan. |
| Pukulan Lob (tenis) | Pukulan bertahan di mana bola dihantar tinggi ke belakang. |

PANEL PENGGUBAL PENDIDIKAN JASMANI

- | | | |
|-----|---|---|
| 1. | Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM |
| 2. | Kamariah binti Mohd Yassin | Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM |
| 3. | Nawi bin Razali | Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM |
| 4. | Muhamad Zaiful bin Zainal Abidin | Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM |
| 5. | Prof. Madya Dr. Nelfianty binti Mohd Rasyid | Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak |
| 6. | Dr. Benderi bin Dasril | Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak |
| 7. | Dr. Kok Lian Yee | Universiti Putra Malaysia, Selangor |
| 8. | Md. Jais bin Ismail | Pusat Permata Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 9. | Chia Chiow Ming | IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur |
| 10. | Kok Mong Lin | IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur |
| 11. | Poniran bin Salamon | IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor |
| 12. | Syed Muhd Kamal bin S.A Bakar | IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor |
| 13. | Ang Ha Loo | IPG Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang |
| 14. | Othman bin Che Man | IPG Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang |
| 15. | Adib bin Sulaiman | IPG Kampus Tun Hussein Onn, Johor |
| 16. | Mohd Fauzi bin Narsri | Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail, Johor |
| 17. | Ahmad Shaker bin Abdul Majeed | SMK Ayer Hangat, Langkawi |
| 18. | Nadimah Amani binti Norizan | SMK Bandar Baru Bangi, Selangor |
| 19. | Gopal A/L Raman | SMK Puchong Permai, Selangor |
| 20. | Dr. Ang Kean Koo | SK Kajang Utama, Selangor |
| 21. | Mohd Irwan bin Miskob | SK Taman Midah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |

PANEL PENGGUBAL PENDIDIKAN KESIHATAN

- | | |
|--|--|
| 1. Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM |
| 2. Tan Huey Ning | Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM |
| 3. Muhammad Nasir bin Darman | Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM |
| 4. Nur Muriza binti Musa | Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM |
| 5. Hamillia Saini binti Mohamad | Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Terengganu |
| 6. Prof. Dato' Dr. Lukman @ Zawawi bin Mohamad | Universiti Sultan Zainal Abidin |
| 7. Prof. Dr. Foong Kin | Universiti Sains Malaysia |
| 8. Prof. Dr. Norimah binti A. Karim | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 9. Prof. Dr. Sarinah Low binti Abdullah | Universiti Malaya |
| 10. Datin Dr. Sheila Marimuthu | Hospital Kuala Lumpur |
| 11. Dr. Saidatul Norbaya binti Buang | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 12. Dr. Hamizah binti Mohd Hassan | Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara |
| 13. Gananathan A/L M. Nadarajah | IPG Kampus Ilmu Khas |
| 14. Eu Mee Seong | SMK Dato' Shahardin, Negeri Sembilan |
| 15. Sukhdev Singh A/L Major Singh | SMK Miharja, Kuala Lumpur |
| 16. Faridah binti Md Hasan | SMK Naka, Kedah |
| 17. Norliah binti Hussein | SMK Datuk Undang Abdul Manap, Negeri Sembilan |
| 18. Yap Siow Yin | SMK Seri Garing, Selangor |
| 19. Fazila binti Mohammad Khairuddi | SMK Taman Jasmin 2, Selangor |
| 20. Low Shiek Li | SMK Puchong, Selangor |

PENGHARGAAN

Penasihat

- | | |
|-----------------------------|-----------------------------------|
| Dr. Sariah binti Abd. Jalil | - Pengarah |
| Rusnani binti Mohd Sirin | - Timbalan Pengarah (Kemanusiaan) |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - Timbalan Pengarah (STEM) |

Penasihat Editorial

- | | |
|----------------------------------|----------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - Ketua Sektor |



9 789675 202965

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4 - 8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>